# 74 stesen Petronas tahun ini

## » Dagangan sasar jualan petrol naik

**Oleh Mahanum Abdul Aziz**
mahanum@bharian.com.my

**Kuala Lumpur**

*Ahmad Phesal menyerahkan dokumen kepada Akbar Thayoob (dua dari kanan) pada* ***Majlis Penyerahan Dokumen Keputusan Cadangan Pembangunan OSC 1Submission*** *kepada Petronas Dagangan Berhad di Kuala Lumpur, semalam.* [FOTO AIZUDDIN SAAD/BH]

Petronas Dagangan Bhd menyasar jualan petrol meningkat 10 peratus kepada lebih lima bilion liter tahun ini didorong pembukaan stesen minyak barunya.

Pengurus Besar Kanan Bahagian Perniagaan Runcitnya, Akbar Md Thayoob, berkata pihaknya berjaya menjual empat bilion liter petrol tahun lalu.

"Kami bercadang membuka 74 stesen tahun ini. Setakat ini, separuh daripada jumlah stesen itu sudah siap dibina," katanya selepas majlis penyerahan dokumen cadangan pembangunan stesen minyak kepada Petronas Dagangan oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur, Datuk Ahmad Phesal Talib di Kuala Lumpur, semalam.

Hadir sama Ketua Pengarah Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), Datuk Salleh Yusup dan Ketua Pengarah Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), Datuk Mohd Razali Hussain.

### Syarikat pertama guna model OSC 1Submission

Petronas Dagangan adalah syarikat pertama menggunakan model OSC 1Submission, iaitu inisiatif yang dibangunkan oleh Kumpulan Fokus yang berurusan dengan permit pembinaan.

Model yang dibangunkan Kumpulan Tumpuan yang terdiri daripada DBKL dan agensi teknikal seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, Suruhanjaya Perkhidmatan Air Negara, Suruhanjaya Komunikasi Multimedia Malaysia, Telekom Malaysia, Konsortium Indah Water dan Syarikat Bekalan Air Selangor itu dilancarkan pada 1 Jun lalu.

Ia dibangunkan bagi memudahkan permohonan permit pembinaan projek skala kecil bukan kediaman di sekitar Kuala Lumpur.

Petronas Dagangan hanya mengambil masa 27 hari untuk mendapatkan kelulusan bagi cadangan pembangunan stesen minyak di kilometer 2.95 (Westbound) Plaza Tol Penchala Link dengan menggunakan Model OSC1Submission.